

PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR DATO' BENTARA 2035

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA, RANCANGAN STRUKTUR NEGERI DAN RANCANGAN TEMPATAN

Pernyataan dasar dan cadangan pemajuan serta penggunaan tanah.

PENYEDIAAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS

Merupakan suatu pelan cadangan yang terperinci dan mengandungi cadangan-cadangan tindakan khusus untuk satu kawasan yang telah dikenalpasti Pihak Berkuasa Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan.

PUBLISITI DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS

Pemeriksaan awam tidak kurang daripada 4 minggu dan boleh dilanjutkan selama tidak lebih dari 4 minggu. [Subseksyen 12(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)]. - **ANDA DISINI**

JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN & PENDENGARAN

Suatu penyiasatan tempatan atau pembicaraan awam boleh diadakan di hadapan Jawatankuasa terdiri daripada 3 orang yang dilantik oleh Jawatan kuasa Perancang Negeri [Subseksyen 14(1), Akta 172].

KELULUSAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS

Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah membuat ketetapan untuk kelulusan Draf RKK yang disampaikan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan [Subseksyen 15(1), Akta 172] iaitu sama ada sebagaimana disediakan atau diubahsuai setelah menimbangkan rayuan dan bantahan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan.

Jawatankuasa Perancang Negeri meluluskan keseluruhan atau sebahagian daripada Draf RKK dan dengan atau tanpa ubahsuai atau syarat-syarat atau menolak Draf RKK [Subseksyen 15(1), (1A) dan (1B), Akta 172].

PEMBERITAHUAN KEPADA PIHAK BERKUASA NEGERI

Jawatankuasa Perancang Negeri mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapatkan persetujuan dan kuatkuasa Draf RKK [Subseksyen 15, Akta 1723].

MEWARTAKAN RANCANGAN KAWASAN KHAS

Pihak Berkuasa Perancang Negeriewartakan fakta persetujuan Rancangan Kawasan Khas oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Disiarkan dalam warta negeri dan dalam sekurang-kurangnya 2 akhbar tempatan [Subseksyen 15(4), Akta 172].

APA PERANAN ANDA ?

Anda diberi peluang untuk melibatkan diri dalam perancangan kawasan anda !!!!!. Kemukakanlah maklumbalas anda untuk membantu kami merancang pembangunan untuk generasi masa depan.

"acu tengok tanah demo keno ke dok"



DATANGLAH BERAMAI-RAMAI MEMERIKSA DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR DATO' BENTARA 2035 SEPANJANG PROGRAM PUBLISITI DI ADAKAN.

Tarikh : 15 November 2020 – 14 Disember 2020

Masa : Ahad – Rabu (8.30 pagi – 4.30 petang)
: Khamis (8.30 pagi – 3.30 petang)

Bertempat :

1. Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan
2. Pejabat Perbadanan Menteri Besar Kelantan
3. Pejabat Majlis Daerah Gua Musang

MENGIISI BORANG MAKLUMBALAS



Jika anda mempunyai sebarang pandangan, cadangan mahupun bantahan, sila lengkapkan Borang Maklumbalas Awam yang disediakan dan diserahkan kepada pegawai pameran yang bertugas atau hantar borang tersebut ke tempat-tempat yang dinyatakan.

**MARILAH BERSAMA KAMI MERANCANG
PEMBANGUNAN BANDAR DATO' BENTARA**



قوبليسي تي دان فيرتان عوام

PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR DATO' BENTARA 2035



Anjuran

PLANMalaysia @Kelantan

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan)

Kerjasama:



RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR DATO' BENTARA 2035

PELAN KONSEP RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR DATO' BENTARA 2035

APA ITU RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR DATO' BENTARA 2035?

Rancangan Kawasan Khas Bandar Dato' Bentara 2035 disediakan untuk menghasilkan satu Pelan Tindakan Pembangunan yang disediakan sama ada dalam bentuk pelan susunatur atau pelan pengurusan yang disokong oleh spesifikasi pembangunan pembangunan terperinci dan jadual tindakan pembangunan.

Ianya adalah rancangan pemajuan yang disediakan mengikut peruntukkan undang-undang Malaysia di bawah Subseksyen 16B(1), (2) dan (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172) dan Kaedah-Kaedah Rancangan Kawasan Khas Negeri Kelantan 2010.

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kawasan RKK Bandar Dato' Bentara 2035 adalah terletak sejauh 8km dari Bandar Gua Musang, 200km dari Bandar Kota Bharu, 75km dari Lojing dan 110km dari Cameron Highlands.


Kawasan kajian RKK Bandar Dato' Bentara 2035 berkeluasan 166.59 hektar (4,123.16 ekar) yang terletak di bahagian barat Jajahan Gua Musang merangkumi Mukim Batu Papan.

WAWASAN PEMBANGUNAN






"Membangun dan menjadikan Bandar Dato' Bentara 2035 sebagai sebuah Bandar Agro Perancangan serta Pusat Pembangunan Bercampur yang maju dalam menjana aspek ekonomi dengan persekitaran fizikal yang lengkap dan berdaya tahan"

MATLAMAT

"Ke arah Bandar Dato' Bentara sebagai Bandar Agro-Pelancongan yang mempunyai identiti tersendiri dan terancang"



KONSEP PEMBANGUNAN

-  Bandar Dato' Bentara Sebagai Pusat Pertumbuhan Agro Pelancongan
-  Kepelbagaian Produk Agro Pelancongan
-  Pengekalan Alam Semulajadi Melalui Kawalan Pembangunan Tepi Sungai
-  Mewujudkan pusat petempatan yang mampan
-  Sistem Perhubungan Jalan Raya Yang Efisien



PETUNJUK

-  PERUMAHAN
-  INSTITUSI KEMUDAHAN MASYARAKAT
-  INSTITUSI
-  KOMERSIAL
-  PERTANIAN
-  INDUSTRI RINGAN
-  KUBUR
-  MASJID
-  TAMAN AWAM
-  JALAN
-  SUNGAI